From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENYELIDIK HERICS SBM SAMPAIKAN TAKLIMAT PROGRAM SARJANA SAINS PENGURUSAN KEPADA AHLI KESATUAN SEKERJA KAKITANGAN MAKMAL
Date: Thursday, 17 September, 2026 12:39:22 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Dr. Luqman Mahmud
Gambar oleh: HERICS Research Group

PENYELIDIK HERICS SBM SAMPAIKAN TAKLIMAT PROGRAM SARJANA SAINS PENGURUSAN KEPADA AHLI KESATUAN SEKERJA KAKITANGAN MAKMAL



UUM ONLINE: Kumpulan penyelidik HERICS dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) bersama kolaborasi dengan Kesatuan Sekerja Kakitangan Makmal Kementerian Pendidikan Malaysia (KSKM) telah mengadakan satu sesi taklimat khas mengenai Program Sarjana Sains Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah disampaikan kepada ahli KSKM dari seluruh Malaysia di The Jerai Hotel.
Taklimat tersebut diadakan sempena Majlis Graduasi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 (Operasi Makmal) yang menghimpunkan pengamal dan kakitangan makmal bagi meraikan pencapaian akademik serta kemahiran mereka.

Atur cara dimulakan dengan sesi taklimat akademik yang disampaikan oleh Ts. Dr. Khairul Hafezad Abdullah mewakili kumpulan penyelidik HERICS. Beliau berkongsi maklumat mendalam mengenai struktur program, peluang peningkatan kerjaya, serta kepentingan pengurusan OSH dalam persekitaran kerja makmal.



Penglibatan HERICS SBM dalam majlis ini membuktikan komitmen berterusan kumpulan penyelidik tersebut dalam menyebarkan kepakaran akademik serta memperkasakan pembangunan modal insan industri.

Sesi taklimat ini mendapat sambutan amat menggalakkan daripada ahli kesatuan yang berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana demi memperkasakan kepakaran profesional mereka.
Acara kemuncak diteruskan dengan Majlis Graduasi SKM Tahap 3 bagi meraikan graduan yang berjaya menamatkan pengajian sijil kemahiran masing-masing, sekali gus memacu kecemerlangan kakitangan makmal di Malaysia.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.